

PERUBAHAN KECEMERLANGAN TIGA BUAH SEKOLAH MENENGAH
HARIAN DI DAERAH JOHOR BAHRU .

NUR HARTINI BINTI YAACOP

Laporan projek ini dikemukakan sebagai
memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan (Pengurusan dan Pentadbiran)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

DISEMBER 2013

DEDIKASI

Nukilan ini ditujukan khas buat

Ayahda dan bonda tercinta yang sentiasa memberi sokongan yang tidak pernah henti dan sentiasa bersabar dalam mendidik dan membesarkan anakdamu ini

Juga

Yang dihormati penyelia Dr. M. Al-Muz-Zammil Bin Yasin yang sentiasa memberi sokongan dalam memantau projek dari semasa ke semasa tanpa jemu

Pihak pentadbir dan guru-guru sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Engku Tun Aminah, Sekolah Menengah Mutiara Rini dan Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Uda yang sentiasa bertimbang rasa, memberi kerjasama yang baik semasa kajian ini dilakukan

Buat rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberi bantuan dan galakkan yang tidak pernah pudar

Semangat dan dorongan yang kalian tanamkan telah menguatkan diri saya untuk meneruskan perjuangan sehingga kini.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur dan puji-pujian dipanjatkan kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan hidayahNya memberi keizinan kepada saya untuk menyiapkan kajian ini.

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada pensyarah selaku penyelia saya iaitu Dr. M. Al-Muz-Zammil Bin Yasin di atas segala bimbingan, tunjuk ajar disamping kerjasama sepanjang saya menyiapkan kajian saya ini.

Ucapan terima kasih tidak terhingga juga saya tujukan buat Pihak pentadbir dan guru-guru sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Engku Tun Aminah, Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Rini dan Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Uda yang sentiasa memberi kerjasama kepada saya dalam proses mengutip data dilakukan. Tidak ketinggalan juga kepada ibubapa pelajar yang turut terlibat dalam memberi maklumat. Kerjasama yang diberikan amat saya hargai.

Akhir sekali terima kasih kepada rakan seperjuangan yang telah banyak memberi sokongan, dorongan, teguran serta nasihat yang membina. Hanya Allah sahaja yang mampu membalasnya. Terima kasih.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan melihat tahap perubahan kecemerlangan di tiga buah Sekolah Menengah Harian di daerah Johor Bahru. Kajian ini melibatkan guru dan ibu bapa yang diambil sebagai sampel dari tiga buah sekolah. Kajian ini telah dikumpul dengan menggunakan soal selidik dan data telah dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Sciences* (SPSS) versi 16.0 melalui kaedah statistik deskriptif. Kaedah temubual pula telah digunakan bagi mengenalpasti faktor yang menyumbang kepada kecemerlangan, halangan, strategi dan program ke arah perubahan di sekolah tersebut. Seramai lapan belas orang pentadbir meliputi Pengetua, Penolong Kanan Pentadbiran, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid dan Ketua Bidang dipilih sebagai responden temubual. Dapatan kajian secara keseluruhannya menunjukkan bahawa tahap penglibatan ibu bapa terhadap aktiviti sekolah adalah pada tahap tinggi dengan min keseluruhan adalah 3.91. Kajian ini juga telah mengenalpasti beberapa pendekatan yang dapat digunakan untuk membawa kecemerlangan di sekolah.

ABSTRACT

This research aimed to investigate the level of change toward excellence in secondary schools in Johor Bahru. The research involved samples from teachers and parents from three selected schools. The data collected were gathered by using questionnaires and were analyzed by using the Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) version 16.0 software via descriptive statistical method. Interview method was used to identify factors which had contributed towards excellence, barriers, change strategies, and program towards change in the schools. Eighteen respondents among principals, assistant principals and head departments were involved as interviewees. An overall results showed that the level of parents involvement was high with an overall mean value of 3.91. In addition, this research had also identified several approaches that can be used to promote excellence in schools.

KANDUNGAN

BAB PERKARA	MUKA SURAT
PENGESAHAN STATUS TESIS	
PENGESAHAN PENYELIA	
JUDUL	
PENGAKUAN	ii
DEDIKASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI SIMBOL	xviii
1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	7
1.3 Penyataan Masalah	13
1.4 Objektif Kajian	16
1.5 Persoalan Kajian	17
1.6 Kepentingan Kajian	18
1.7 Batasan Kajian	19
1.8 Definisi Istilah	19
1.8.1 Perubahan Sekolah	19
1.8.2 Kecemerlangan Pencapaian Akademik	20

1.8.3	Kemenjadian Pelajar	20
1.8.4	Kualiti Pendidikan	20
1.9	Penutup	21

2 SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	22
2.2	Konsep Asas Kecemerlangan	22
2.3	Faktor Yang Mempengaruhi Perubahan Sekolah	24
2.4	Strategi Perubahan Kecemerlangan Sekolah	25
2.5	Pendekatan atau Program-Program Sekolah	30
2.6	Standard Kualiti Pendidikan Malaysia dan Kecemerlangan Sekolah	32
2.4	Sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Engku Tun Aminah	35
2.4.1	Senarai Nama Pentadbir Sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Engku Tun Aminah	36
2.4.2	Pencapaian PMR dan SPM 2013-2013 Sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Engku Tun Aminah	37
2.5	Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Rini	38
2.5.1	Senarai Nama Pentadbir Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Rini	39
2.5.2	Pencapaian PMR dan SPM 2010-2013 Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Rini	39
2.6	Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Uda	40
2.6.1	Senarai Nama Pentadbir Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Uda	41
2.6.2.1	Pencapaian PMR dan SPM 2010-2013 Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Uda	42
2.7	Penutup	43

3 KAJIAN METODOLOGI

3.1	Pengenalan	44
3.2	Reka Bentuk kajian	45
3.3	Lokasi kajian	46
3.4	Populasi dan Sampel	46
3.5	Instrumen Kajian	49
	3.5.1 Temubual	50
	3.5.2 Soal Selidik	50
3.6	Kaedah Pengumpulan data	51
3.7	Kajian Rintis	52
3.8	Tatacara Pengumpulan Data	53
3.9	Kaedah Penganalisis Data	54
	3.9.1 Kaedah Analisis Data Kualitatif	55
	3.9.2 kaedah Analisis Data Kuantitatif	55
	3.9.2.1 Bahagian A: Demografi Responden	56
	3.9.2.2 Bahagian B: Tahap Penglibatan Ibu bapa dan Komuniti dengan Sekolah	56
3.10	Jangkamasa kajian	58
3.11	Penutup	59

4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	60
4.2	Analisis Persoalan Kajian 1: Apakah faktor yang mempengaruhi perubahan kecemerlangan Sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Engku Tun Aminah, Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Uda dan Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Rini tiga tahun berturut-turut?	61
	4.2.1 Sikap guru yang sentiasa mempunyai komitmen yang tinggi serta sentiasa komited terhadap tugas	62
	4.2.2 Ibu bapa yang sentiasa memberi sokongan dan kerjasama yang padu terhadap sekolah.	65

4.2.3	Pelajar sebagai aset utama sekolah dalam memacu kecemerlangan	67
4.2.4	Komuniti yang sentiasa membantu pihak sekolah dalam meningkatkan kecemerlangan pelajar.	69
4.3	Analisis Persoalan Kajian 2: Apakah halangan awal yang wujud dalam pengurusan organisasi sekolah dalam melakukan perubahan kecemerlangan?	73
4.3.1	Masalah Akademik Pelajar Yang Kurang Memberangsangkan Mempengaruhi Gred Purata Sekolah (GPS).	75
4.3.2	Disiplin pelajar yang kurang baik terutama melibatkan pelajar kelas-kelas belakang telah mempengaruhi prestasi kecemerlangan sekolah	78
4.3.3	Masalah ketidakhadiran pelajar ke sekolah memberi kesan kepada prestasi kecemerlangan sekolah	80
4.3.4	Kekurangan kemudahan infrastruktur telah menyukarkan pembukaan kelas-kelas baru secara tidak langsung turut memberi kesan terhadap pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang hendak dilakukan.	83
4.3.5	Masalah penyusunan jadual waktu bagi guru-guru yang tidak hadir terutama melibatkan kelas-kelas peperiksaan.	86
4.3.6	Lambakkan guru bukan bidang menyukarkan sekolah untuk melakukan pengagihan guru mengikut kesesuaian bidang guru	87
4.4	Analisis Persoalan Kajian 3: Apakah strategi perubahan kecemerlangan yang digunapakai di sekolah menengah kebangsaan Sultanah Engku Tun Aminah, Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Uda dan Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Rini?	89
4.4.1	Membuat <i>scanning environment</i> pada tahun pertama pengambilalihan tugas	91
4.4.2	Menjelaskan misi dan visi kepada warga sekolah dalam membawa perubahan kecemerlangan	94

4.4.3	Mengamalkan budaya kerja dengan menerapkan konsep pengorbanan guru	97
4.4.4	Mengadakan kelas tambahan bagi pelajar-pelajar yang akan menduduki peperiksaan	99
4.4.5	Sentiasa membuat pematauan terhadap guru dan memberitahu pencapaian yang telah dicapai	101
4.4.6	Menggunakan jadual waktu anjal bagi kelas-kelas yang akan menduduki peperiksaan	104
4.5	Analisis Persolan kajian 4: Apakah pendekatan atau program-program yang dilaksanakan oleh sekolah menengah kebangsaan Sultanah Engku Tun Aminah, Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Uda dan Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Rini dalam perubahan kecemerlangan ini?	108
4.5.1	Melaksanakan Pelan Intervensi Lima Langkah (PILL) dalam membuat sesuatu program sekolah	109
4.5.2	Sentiasa mengadakan Program-program latihan profesional kepada guru melalui kursus-kursus	111
4.5.3	Menetapkan <i>Key Performance Indicator</i> (KPI) kepada guru-guru bagi mencapai target yang disasarkan	113
4.5.4	Mengadakan program dialog bersama guru bagi guru-guru yang bermasalah yang diketuai pengetua dan pentadbir	114
4.5.5	Majlis bacaan yassin setiap pagi dan khatam al-quran setiap minggu	116
4.5.6	Majlis Graduasi bagi pelajar-pelajar yang mendapat keputusan cemerlang	117
4.6	Analisis Persolan Kajian 5: Sejauhmanakah tahap penglibatan ibubapa dalam program-program yang dilaksanakan terhadap perubahan kecemerlangan di sekolah yang dikaji?	120
4.6.1	Analisis Latar Belakang responden dalam soal selidik	120
	4.6.1.1 Responden	121
	4.6.1.2 Bangsa	121

	4.6.1.3 Umur	122
	4.6.1.4 Status Perkahwinan	123
	4.6.1.5 Kelayakkan Akademik Tertinggi	123
	4.6.1.6 Pendapatan	124
	4.6.1.7 Tanggungan	125
	4.6.2 Analisis Item dalam soal selidik	125
4.7	Rumusan dapatan kajian	131
4.8	Penutup	135

5 DAPATAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	136
5.2	Perbincangan	137
5.2.1	Perbincangan Persoalan Kajian 1: Faktor mempengaruhi Perubahan Kecemerlangan Sekolah Menengah Kebangsaan Engku Tun Aminah, Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Uda dan Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Rini tiga tahun berturut-turut.	137
5.2.2	Perbincangan Persoalan Kajian 2: Halangan awal yang wujud dalam pengurusan Organisasi sekolah dalam melakukan perubahan.	142
5.2.3	Perbincangan Persoalan kajian3: Strategi perubahan yang digunapakai di Sekolah Menengah Kebangsaan Engku Tun Aminah, Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Uda dan Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Rini	148
5.2.4	Perbincangan Persoalan Kajian 4: Pendekatan atau program-program yang dilaksanakan oleh Sekolah Menengah Kebangsaan Engku Tun Aminah, Sekolah Menengah Bandar Baru Uda dan Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Rini dalam perubahan Kecemerlangan	152

5.2.5	Perbincangan Persoalan Kajian 5: Tahap penglibatan ibu bapa dalam program-program yang dilaksanakan terhadap perubahan kecemerlangan sekolah yang dikaji.	156
5.3	Cadangan Penambahbaikan	158
5.4	Cadangan kajian Lanjutan	159
5.5	Penutup	161
RUJUKAN		163
LAMPIRAN		170

SENARAI JADUAL

JADUAL	PERKARA	MUKASURAT
2.1	Pemerihalhan Skor	33
2.2	Julat Peratus bagi Keckerapan atau Kuantiti	33
2.3	Tafsiran Pencapaian standard Kualiti Pendidikan Malaysia	34
2.4	Tafsiran pencapaian kecemerlangan Gred Purata Sekolah (GPS) untuk peperiksaan awam Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 3 tahun berturut-turut.	35
2.5	Bahagian Pentadbiran Sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Engku Tun Aminah	37
2.6	Pencapaian PMR dan SPM Sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Engku Tun Aminah	37
2.7	Bahagian Pentadbiran Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Rini	39
2.8	Pencapaian PMR dan SPM Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Rini	40
2.9	Bahagian Pentadbiran Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Uda	41
2.10	Pencapaian PMR dan SPM Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar baru Uda.	42
3.1	Jadual Penentuan Saiz Sampel Oleh Krejcie Dan Morgan	47
3.2	Taburan sampel kajian	48
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	51
3.4	Kaedah Analisis Data	54

3.5	Skala Penilaian tahap penglibatan Ibu bapa dan Komuniti dengan sekolah.	57
3.6	Interprestasi purata skor min bagi penilaian tahap penglibatan Ibu bapa dan Komuniti dengan sekolah	57
3.7	Jangkamasa kajian	58
4.1	Taburan Responden Mengikut Tema Faktor Perubahan Kecemerlangan Tiga Buah Sekolah Menengah Harian	61
4.2	Taburan Responden Mengikut Tema Halangan Perubahan Kecemerlangan Tiga Buah Sekolah Menengah Harian	74
4.3	Taburan Responden Mengikut Tema Strategi Perubahan Kecemerlangan Tiga Buah Sekolah Menengah Harian	90
4.4	Taburan Responden Mengikut Tema Terhadap pendekatan dan Program- program yang dilaksanakan dalam Perubahan Kecemerlangan Tiga Buah Sekolah Menengah Harian	108
4.6	Taburan Pengagihan Soal Selidik	120
4.7	Taburan Responden	121
4.8	Taburan Responden Mengikut Bangsa	122
4.9	Taburan Responden Mengikut Umur	122
4.10	Taburan Responden Mengikut Status Perkahwinan	123
4.11	Taburan Responden Mengikut Kelayakkan Akademik Tertinggi	124
4.12	Taburan Responden Mengikut Pendapatan	124
4.13	Taburan Responden Mengikut Jumlah Tangguangan	125
4.14	Analisis Item Dalam Soal Selidik	126
4.15	Rumusan Dapatan Kajian	131

SENARAI SINGKATAN

CDP	<i>Continues Professional Development</i>
GPS	Gred Purata Sekolah
JNJK	Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
JPN	Japabatan Pelajaran Negeri
KB	Ketua Bidang
KPI	<i>Key Performance Indicator</i>
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
LDPL	Latihan Guru Secara Profesional
P	Pengetua
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PILL	Pelantan Intervensi Lima Langkah
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PK	Penolong Kanan
PKHem	Penolong Kanan Hal Ehwal Murid
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
RMK-10	Rancangan Malaysia Ke-10
SBT	Sekolah Berprestasi Tinggi
SETA	Sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Engku Tun Aminah
SKK	Sekolah Kluster Kecemerlangan
SKPM	Standard Kualiti Pendidikan Malaysia
SMKBBU	Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Uda
SMKMR	Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Rini
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STKP	Standard Tinggi Kualiti Pendidikan
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia

UPSR Ujian Penilaian Sekolah Rendah

SENARAI SIMBOL

$\%$	-	Peratus
F	-	Kekerapan

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Perubahan sekolah menengah harian ke tahap cemerlang khususnya merupakan satu anjakan yang penting dalam mewujudkan organisasi pendidikan yang berkualiti. Selaras dengan matlamat Kementerian Pelajaran Malaysia yang berhasrat untuk meletakkan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan di Rantau Asia Tenggara. Malaysia mempunyai 10,087 jumlah sekolah yang mana terdiri daripada 7,743 Sekolah Rendah, 2,344 Sekolah Menengah di seluruh Negara (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012).

Sekolah Menengah Harian merupakan institusi pendidikan yang menerima pelajar dari pelbagai latar belakang pendidikan tanpa mengira status pencapaian pelajar dari segi kurikulum mahupun kokurikulum. Kepelbagaian pelajar dari pelbagai latar belakang yang berbeza merupakan cabaran yang perlu dilalui oleh semua Sekolah Menengah Harian berbanding Sekolah Kawalan atau Berprestasi Tinggi di Malaysia (Pejabat Pendidikan Johor, 2013)

Keadaan ini turut dapat dilihat melalui usaha kerajaan dalam membentuk pelajar yang seimbang dari segi akademik dan kesukanan. Di mana melalui kurikulum baru ini akan menjadikan Sukan sebagai satu subjek mata pelajaran bermula tahun 2011. Dasar '1Murid, 1Sukan' mewajibkan setiap pelajar mengikuti sekurang-kurangnya satu aktiviti sukan. Setiap pelajar dikehendaki mengikuti aktiviti sukan pilihan masing-masing selama 90 minit seminggu bagi Sekolah Menengah dan 60 minit bagi Sekolah Rendah. Peruntukan untuk geran sukan bagi setiap pelajar akan dinaikkan daripada RM2.40 kepada RM4 bagi Sekolah Rendah dan daripada RM4 kepada RM6 bagi Sekolah Menengah (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan KPM, 2006).

Lonjakan kecemerlangan Sekolah Menengah Harian ke tahap cemerlang diukur berlandaskan kepada penilaian skor komposit yang terdiri daripada 70% Gred Purata Sekolah (GPS) iaitu pencapaian sekolah dalam peperiksaan awam- (UPSR, PMR, SPM dan STPM) manakala 30% Skor daripada Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) adalah instrument penarafan sendiri sekolah yang mengukur empat dimensi iaitu Misi dan Visi, Pengurusan Organisasi, Pengurusan Program Pendidikan dan Pencapaian Murid. Kombinasi GPS dan SKPM seterusnya akan membentuk Skor Komposit yang menentukan ranking sekolah, yang mana kedudukan sekolah paling tinggi akan dinilai dari aspek ET (sekolah mempamerkan prestasi tinggi) dan melakukan Lonjakan Perdana (Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti KPM, 2010).

Di Malaysia lonjakan kecemerlangan Sekolah Menengah Harian dapat dilihat melalui dasar yang diketengahkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia terhadap keberhasilan Sekolah Menengah Harian. Melalui Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 dalam Teras Ketiga telah memperkatakan berkaitan Memperkasakan Sekolah Kebangsaan (Rendah dan Menengah) di Malaysia supaya sekolah-sekolah tersebut menjadi pilihan utama masyarakat. Melalui pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 juga turut mengetengahkan tentang kelengkapan Sekolah Kebangsaan (Rendah dan Menengah) dengan melihat kepada dua aspek iaitu kemudahan asas pendidikan dan bekalan guru. Dari aspek

kemudahan asas pendidikan kerajaan akan memastikan bekalan elektrik, air bersih dan kemudahan ICT yang dibekalkan adalah mencukupi. Manakala, dari aspek bekalan guru pula turut akan dipastikan guru terlatih yang akan dibekalkan adalah mencukupi mengikut opsyen serta bilangan staf sokongan mengikut keperluan sekolah (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan KPM, 2006).

Kini terdapat banyak Sekolah Menengah Harian di Malaysia yang semakin menonjol prestasinya saban tahun. Sejalan dengan Inisiatif Program Tawaran Baru yang dilaksanakan Kementerian Pelajaran sejak 2010 terbukti berhasil melonjakkan kecemerlangan terhadap keputusan peperiksaan calon Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang mengalami peningkatan selepas pengetua dan guru besar serta guru-guru memainkan peranan lebih aktif dalam menjalankan pelbagai aktiviti bagi mempertingkatkan pencapaian sekolah yang mana secara tidak langsung dilihat mampu melahirkan Sekolah Menengah Harian yang berpotensi untuk menjadi Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) dan sekolah kluster kecemerlangan (SKK). Penerimaan ini jelas menunjukkan sekolah berkenaan diiktiraf meningkat kedudukannya ke peringkat lebih baik. Menurut sumber: kepimpinan sekolah yang berkesan (*Mid-Continent Research for Educational and Learning-McREL*), berdasarkan analisis 70 kajian yang melibatkan 2,194 sekolah, didapati bahawa peningkatan satu (1) sisihan piawai dalam kualiti kepimpinan akan memberi kesan positif kepada pencapaian murid sebanyak 10 persential (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Malaysia KPM, 2013)

Peningkatan kecemerlangan sekolah memerlukan perubahan dari pelbagai sudut. Matlamat yang jelas akan mempengaruhi perubahan yang akan dilakukan terhadap institusi sekolah. Dengan kata lain, sekolah mempunyai tujuan, matlamat serta hasrat yang hendak dicapainya. Pembentukan matlamat merupakan kriteria utama yang perlu wujud dalam sistem organisasi sekolah. Dasar perlulah dibentuk dengan baik dan tersusun kerana ia merupakan asas yang kukuh terhadap pengurusan yang berkesan. Kedinamikan dan penganalisan yang tepat pada perubahan persekitaran akan memastikan sesebuah organisasi mencapai matlamatnya. Oleh itu,

dalam memastikan organisasi sekolah atau institusi pendidikan itu tetap relevan dengan kehendak semasa, sesuai dengan perubahan persekitaran yang berlaku. Pengurusan strategik akan membantu pihak sekolah berada dalam keadaan terancang dan bersifat proaktif dalam membina masa depan (Mohamad Najib, 2010)

Faktor sekolah juga amat kuat dalam mempengaruhi kemajuan pelajar. Suasana sekolah yang kondusif serta kualiti guru yang mencukupi mampu meyuburkan pembangunan intelek, sosial kesejahteraan mental dan fizikal para pelajar yang mana merupakan elemen penting dalam pembangunan sesebuah sekolah. Pelajar diberi peluang dalam memaju serta memperkembangkan intelek dan bakat melalui kepelbagaian aktiviti dan program bagi menggalakkan perhubungan mesra serta semangat kekeluargaan di kalangan pelajar, guru dan kakitangan sekolah. Dari itu sekolah yang mempunyai kualiti guru yang baik merupakan penentu utama pencapaian murid di sekolah. Menurut sumber: *Sanders and Rivers "Cumulative and residual effects on future student academic achievement"* 1996, yang dijalankan di Tennessee, Amerika Syarikat pada pertengahan 1990-an menunjukkan bahawa apabila dua orang murid berumur lapan tahun dengan prestasi sederhana diajar oleh guru yang berlainan-seorang guru berprestasi tinggi dan seorang lagi berprestasi rendah-prestasi pencapaian akademik murid tersebut berbeza sebanyak lebih 50 poin persential dalam tempoh tiga tahun. Dapatan kajian yang sama juga ditunjukkan dalam kajian yang dijalankan di Dallas dan di Boston, Amerika Syarikat serta di England (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Malaysia KPM, 2013).

Secara umumnya, Sekolah Menengah Harian biasa sering dikaitkan dengan pelbagai masalah dan ia bukanlah suatu perkara mudah untuk ditangani tanpa usaha yang jitu dari semua pihak warga sekolah mahupun komuniti sekitar. Statistik Kementerian Pelajaran 2010 menunjukkan, kira-kira tiga peratus daripada lebih lima juta pelajar di 10,000 Sekolah Rendah dan Menengah terbabit dalam kegiatan salah laku. Mengikut rekod Kementerian, sejumlah 111,484 pelajar atau 72,557 pelajar Sekolah Menengah dan 38,927 murid Sekolah Rendah dikesan terbabit dalam pelbagai salah laku disiplin pada tahun 2010. Antara kes salah laku yang sering

dilakukan pelajar termasuklah jenayah sebanyak 17,595 kes, ponteng sekolah 19,545 kes, kelucahan 3,031 kes, Vandalisme 5,212 kes dan kenakalan 8,563 kes (Kamaruzaman, 2007)

Perubahan sekolah yang mempunyai prestasi yang kurang memberangsangkan ke arah pencapaian yang lebih baik juga bukanlah suatu yang dilihat mudah. Melakukan perubahan tanpa perancangan merupakan risiko dalam menemukan kegagalan. Perubahan tidak boleh dilakukan tanpa perancangan yang rapi. Objektif yang jelas perlu dinyatakan terhadap hasil yang hendak dicapai, ukuran-ukuran pencapaian serta tempoh masa yang telah ditetapkan. Ini adalah kerana, objektif akan menjadi halatuju tindakan ahli kumpulan, ukuran penetapan pencapaian dan tempoh masa menjadi panduan dalam merealisasikan perubahan yang berlaku di sekolah. Dalam melakukan perubahan, terdapat beberapa tahap yang boleh digunapakai oleh sekolah yang mana ia bermula dari pernyataan awal situasi, analisis dan cadangan rawatan, pernyataan matlamat dan objektif terkini, projek intervensi untuk berubah serta penilaian dan pemantauan (Mohamad Najib, 2004).

Dalam memastikan strategi perubahan sekolah berjaya, pemupukan budaya kerja yang baik perlu diterapkan di kalangan ahli kerana ia amat penting sebagai jentera penggerak perubahan. Kesefahaman yang mendalam antara satu sama lain terhadap perubahan yang hendak dilakukan di sekolah memerlukan komitmen yang tinggi dalam meletakkan usaha yang gigih ke arah pencapaian matlamat, sentiasa bekerjasama dalam memberi maklumbalas di samping memberi dan membina sokongan terhadap perubahan yang dilakukan di sekolah.

Perubahan terhadap kognitif, sikap dan perlakuan, budaya sekolah serta wawasan sekolah adalah merupakan komponen perubahan yang perlu diberi perhatian. Perubahan berkaitan ilmu mahupun pemahaman terhadap sesuatu konsep perlu disalurkan melalui kursus, seminar, penerangan, mesyuarat mahupun pembacaan. Sikap yang positif perlu diterapkan di kalangan ahli organisasi sekolah dalam mewujudkan persekitaran kerja yang baik. Ini adalah kerana, melalui jangkaan

individu terhadap kerja mampu mewujudkan keadaan persekitaran kerja bagi menghasilkan persepsi. Di mana, melalui persepsi ini akan mencetuskan sikap serta perlakuan individu terutama terhadap nilai-nilai serta keadaan persekitaran kerja. Yang mana, secara tidak langsung sikap serta perlakuan ini akan menjadi daya pendorong kepada cara kerja individu dalam satu bentuk sosialisasi, perubahan sikap dan persekitaran kerja yang baik di dalam membentuk nama serta nilai kumpulan. Ini adalah berkaitan dengan usaha bagi mencapai kejayaan sesebuah sekolah yang mana setiap insan akan sama-sama terlibat dalam mengembelengkan tenaga bagi mencapai tujuan tersebut.

Wawasan merupakan impian mahupun tindakan dalam merealisasikan perubahan terhadap sekolah yang akan dilakukan. Penglibatan komuniti amat penting dalam merealisasikan wawasan sekolah dan akan gagal sekiranya tidak melibatkan komuniti dalam perubahan yang hendak dilakukan. Kualiti kepimpinan yang baik perlu dalam menggerakkan orang bawahan kerana melalui perkongsian dapat mewujudkan pasukan sokongan dan komuniti berwawasan yang tahu dan faham bagaimana wawasan tersebut hendak dicapai.

Penglibatan serta penentuan peranan ahli penting dalam merancang perubahan sekolah yang akan dilakukan agar mereka memahami tugas yang akan dilaksanakan. Tugas-tugas utama perlu selaras dengan objektif-objektif perubahan yang disasarkan dan disusun mengikut keutamaan individu yang akan dipertanggungjawabkan dengan mengambil kira sumber-sumber yang ada melalui pemeriksaan agar setiap objektif mempunyai sumber yang secukupnya. Penglibatan setiap anggota masyarakat sekolah juga penting dalam mengatasi masalah-masalah yang kompleks dan saling berkaitan dalam mewujudkan perubahan kecemerlangan Sekolah Menengah Harian.

Negeri Johor mempunyai sepuluh daerah meliputi 1174 buah Sekolah Rendah mahupun Menengah secara keseluruhannya yang mana 271 daripada jumlah tersebut adalah merupakan Sekolah Menengah dari pelbagai aliran manakala 228 daripada

Sekolah Menengah pelbagai aliran tersebut merupakan Sekolah Menengah Kebangsaan yang terdapat di sepuluh Daerah Negeri Johor. Johor Bahru merupakan salah satu daripada sepuluh daerah yang terdapat di Negeri Johor yang mempunyai bilangan sekolah sebanyak 143 buah sekolah meliputi jenis aliran sekolah, 40 daripada jumlah tersebut merupakan Sekolah Menengah Kebangsaan yang terdiri daripada 7 buah Sekolah Kawalan Kluster (SKK), 2 buah sekolah kawalan dan selebihnya merupakan Sekolah Menengah Harian (Pejabat Pendidikan Johor, 2012).

Sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Engku Tun Aminah, Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Rini dan Sekolah Menengah Bandar Baru Uda adalah merupakan antara tiga buah Sekolah Menengah Harian yang terdapat di Daerah Johor Bahru. Ketiga-tiga Sekolah Menengah Harian ini bukanlah dari kategori sekolah kawalan namun dilihat mampu membawa perubahan yang ketara melalui peningkatan Gred Purata Sekolah (GPS) yang memberangsangkan tiga tahun berturut-turut (2010-2012) di dalam keputusan peperiksaan PMR dan SPM. Peningkatan ini dapat dilihat melalui peratus kelulusan di ketiga-tiga buah sekolah ini yang masing-masingnya mencatatkan peningkatan ke arah seratus-peratus sekaligus melonjakkan Gred Purata Sekolah ke arah yang dapat dibanggakan. Bagi Sekolah Menengah Harian biasa yang mempunyai kepelbagaian latar belakang akademik pelajar ia bukanlah satu perkara yang mudah namun memerlukan kesungguhan serta perancangan yang rapi dalam membawa perubahan kecemerlangan pelajar mereka.

1.2 Latar Belakang Masalah

Bagi melaksanakan perubahan terhadap sekolah yang mengalami latar belakang akademik dan sejarah yang kurang memberangsangkan bukanlah dilihat sesuatu yang mudah dan ia merupakan cabaran utama yang perlu dihadapi oleh

selaku pentadbir tertinggi sekolah menengah harian dalam melakukan perubahan ke arah yang lebih baik dari pelbagai sudut.

Cabaran utama dalam melakukan perubahan di Sekolah Menengah Harian ke arah kecemerlangan adalah dari segi akademik pelajar. Pencapaian akademik yang tidak sekata setiap tahun di dalam peperiksaan awam seperti UPSR, PMR, SPM mahupun STPM merupakan masalah utama bagi sekolah menengah harian mendapat status kecemerlangan melalui 70% Gred Purata Sekolah (GPS) iaitu pencapaian sekolah dalam peperiksaan awam, manakala 30% skor standard kualiti pendidikan Malaysia (SKPM) adalah instrument penarafan sendiri sekolah dalam mengukur empat dimensi iaitu Misi dan Visi, Pengurusan organisasi, Pengurusan Program Pendidikan dan pencapaian Murid dan ia merupakan cabaran utama kepada sekolah dalam mengatur strategi yang baik dalam menaikkan taraf sekolah ke arah kecemerlangan (Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti KPM, 2010)

Penerimaan pelajar dari pelbagai latar belakang akademik telah mewujudkan pengelompokkan kelas dari pelbagai kelas pelajar menimbulkan masalah terutama dari segi sikap dan minat. Terdapat beberapa faktor dalaman dan luaran yang boleh mempengaruhi pencapaian seseorang pelajar bagi memperoleh gred yang cemerlang. Sikap dan minat seseorang pelajar terhadap sesuatu matapelajaran adalah diantara faktor yang memainkan peranan yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Secara langsung ia dapat membina keazaman yang kuat untuk terus mencapai kejayaan yang cemerlang dalam bidang yang dilakukan.

Masalah disiplin di kalangan pelajar adalah merupakan halangan dalam membawa Sekolah Menengah Harian ke arah kecemerlangan. Peningkatan jumlah ponteng sekolah adalah merupakan salah satu daripada lapan jenis salah laku disiplin yang disenaraikan oleh Kementerian Pelajaran, dan terletak pada tangga kedua terbanyak selepas kurang sopan, diikuti berunsur jenayah, tidak pentingkan masa, kekemasan diri, kenakalan, laku musnah dan berunsur keculahan. Dalam memastikan peningkatan kecemerlangan Sekolah Menengah Harian, ia adalah merupakan cabaran

utama yang perlu dilalui oleh warga sekolah dalam memastikan masalah disiplin terutama berkaitan ponteng dikalangan pelajar dapat dikawal dengan baik. Statistik Kementerian Pelajaran tahun 2009 menunjukkan 21,060 pelajar (0.39 peratus) dikesan ponteng sekolah, manakala 24,840 pelajar (0.46 peratus) pada tahun sebelumnya (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009). Manakala Statistik Kementerian Pelajaran 2010 menunjukkan, kira-kira tiga peratus daripada lebih lima juta pelajar di 10,000 Sekolah Rendah dan Menengah terbabit dalam kegiatan salah laku. Mengikut rekod Kementerian, sejumlah 111,484 pelajar atau 72,557 pelajar Sekolah Menengah dan 38,927 murid Sekolah Rendah dikesan terbabit dalam pelbagai salah laku disiplin pada tahun 2010. Antara kes salah laku yang sering dilakukan pelajar termasuklah jenayah sebanyak 17,595 kes, ponteng sekolah 19,545 kes, kelucahan 3,031 kes, vandalisme 5,212 kes dan kenakalan 8,563 kes (Kamaruzaman, 2007)

Kesukaran dalam mewujudkan iklim sekolah yang kondusif adalah antara cabaran yang perlu dilalui oleh warga Sekolah Menengah Harian. Keadaan ini adalah ekoran daripada halangan yang sering wujud daripada masalah kewangan serta kurangnya kerjasama daripada kalangan warga sekolah. Jika keadaan iklim sekolah berada dalam keadaan yang kurang baik maka sudah semestinya ia dapat memberi kesan terhadap keberhasilan murid-murid yang tidak seimbang dan harmonis.

Suasana persekolahan juga turut memainkan peranan penting di samping peranan ibu bapa dan persekitaran dalam membentuk identiti pelajar. Ketidakefektifan dengan suasana pembelajaran dan persekolahan mendorong pelajar bertindak agresif. Kelemahan sistem pendidikan yang lebih menekankan kepada keputusan peperiksaan dan prestasi sekolah lebih memburukkan keadaan dan ditambah lagi dengan pelbagai program yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Suasana ini secara tidak langsung akan membangkitkan kebosanan pelajar terutama jika pelajar kurang berminat dan lebih teruk lagi jika pelajar itu mempunyai masalah di mana ianya akan menjurus kepada perlakuan agresif pelajar (Azizi, Halimah dan Faezah, 2011). Dalam membentuk identiti pelajar ia bukanlah sesuatu yang mudah namun ia merupakan cabaran kepada Sekolah Menengah Harian dalam melakukan

perubahan terutama dalam mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan terhadap pelajar yang dapat membawa kepada peningkatan minat pelajar.

Kemudahan infrastruktur yang kurang kondusif di Sekolah Menengah Harian akan memberi kesan terhadap keselesaan pelajar dalam menimba ilmu. Di mana, ia akan menimbulkan perasaan kurang minat pelajar untuk berada dalam kelas. Selain, itu kurangnya peralatan atau alat bantu mengajar di dalam kelas menyebabkan aktiviti pembelajaran yang dijalankan oleh guru kurang menarik dan ia secara tidak langsung turut akan mempengaruhi pencapaian pelajar dan menyukarkan peningkatan kecemerlangan sekolah. Menurut kajian yang dijalankan oleh Ornstein, Moreira, Ono, Limongi dan Nogueira (2009) mendapati bahawa Sekolah-sekolah swasta menikmati masyarakat lebih seragam dan kuat gabungan, serta sumber-sumber yang mencukupi dalam mencapai matlamat yang dimaksudkan pedagogi. Namun, sekolah-sekolah awam terus dilihat mengalami masalah yang lebih asas, seperti kekurangan bahan dan peralatan dan kekurangan penyelenggaraan biasa, dan peningkatan kepada kemudahan sekolah.

Dalam mewujudkan peningkatan kecemerlangan Sekolah Menengah Harian komunikasi yang berkesan juga merupakan elemen penting dalam menyokong pembelajaran di sekolah. Menurut Ariffin dan Robiah (2002) komunikasi berkesan bermakna guru-guru akan terlibat sama dalam membuat keputusan dan melaksanakan aktiviti-aktiviti sekolah. Melalui amalan komunikasi berkesan di sekolah mampu menimbulkan hasil seperti yang diharapkan oleh penyampai maklumat dan seterusnya membawa perubahan kepada organisasi sekolah. Namun, kekangan yang sering dihadapi dalam menerapkan komunikasi berkesan di sekolah dapat dilihat melalui gangguan komunikasi yang menghalang keberkesanan komunikasi, yang mana secara tidak langsung mengakibatkan maklumat yang diterima tidak tepat atau disalah tafsir. Struktur komunikasi sehala yang wujud di kebanyakan Sekolah Menengah Harian telah menyukarkan perkongsian mahupun penjanaaan idea di kalangan ahli sekolah. Apabila keadaan ini berlaku secara tidak langsung akan mempengaruhi nilai dan kepercayaan yang rendah di kalangan warga sekolah sehingga menyukarkan perubahan serta aktiviti yang hendak dilakukan.

Komunikasi yang berbentuk penglibatan, rasional kerja, arahan kerja dan ekspresi negatif harus dikurangkan kerana ia merupakan antara bentuk komunikasi satu hala. Menurut Ab. Aziz (2003) gangguan komunikasi ini boleh dikaitkan dengan faktor jarak, masa, bahasa, sistem dan peraturan yang wujud di sekolah semasa komunikasi dilaksanakan. Oleh itu, pentadbir sekolah seharusnya dapat berhubungan dengan subordinatnya secara langsung seperti dalam mesyuarat sekolah mahupun PIBG dalam usaha mengatasi masalah berkaitan faktor jarak semasa proses berkomunikasi. Semakin jauh jarak semasa berkomunikasi maka semakin banyaklah maklumat akan menjadi kabur atau hilang.

Selain itu, kekangan dan kesukaran yang sering dihadapi oleh Sekolah Menengah Harian dalam mencapai kecemerlangan adalah dari aspek penglibatan ibu bapa yang semakin berkurangan dalam aktiviti mahupun program-program sekolah secara tidak langsung telah memberi kesan terhadap pencapaian pelajar. Di mana, kekangan masa telah menyebabkan ibu bapa kurang peka terhadap peranan mereka dalam pendidikan anak-anak dan membiarkan anak-anak belajar tanpa pemantauan. Keadaan ini secara tidak langsung menjadi cabaran utama dalam membawa perubahan sekolah menengah harian ke arah kecemerlangan terutama dalam proses mencorakkan kembali pembentukan komuniti di kalangan sekolah melalui pembentukan program-program yang berjaya.

Kerenah birokrasi merupakan salah satu halangan pengurusan dalam mewujudkan kecemerlangan Sekolah Menengah Harian sekaligus membantutkan perubahan sekolah ke arah kecemerlangan. Hal ini adalah kerana dalam memacu kecemerlangan sekolah biasanya melibatkan corak pengurusan sekolah yang berkesan. Dalam mewujudkan perubahan sekolah memang tidak dapat dinafikan bahawa kawalan dari bahagian-bahagian seperti Kementerian Pendidikan dan juga Jabatan Pendidikan Daerah adalah diperlukan dalam meningkatkan keupayaan sekolah. Namun apa yang menjadi masalahnya adalah peraturan dan prosedur yang berlebihan terpaksa dihadapi oleh sekolah sehingga menghimpit kemungkinan pengurusan sekolah untuk bertindak mengikut acuan yang tersendiri. Hal ini adalah kerana, pihak sekolah perlu memenuhi kehendak dan arahan atasan dalam mencipta

atau melakukan peraturan serta kawalan yang mana meliputi peraturan pengajaran, jadual waktu, pengisian borang yang berlebihan, penulisan rekod mengajar, dan sebagainya. Kesan daripada proses birokrasi ini maka akan wujudkan pengurusan, iklim dan proses yang berbentuk keseragaman di semua sekolah dan secara tidak langsung akan memberi kesan terhadap bentuk pengurusan sekolah itu sendiri dalam memenuhi keperluan setempat disamping berusaha untuk mencapai tahap sekolah berkesan. Apabila pembirokrasian melebihi daripada yang sepatutnya dan *site management* telah berkurangan, maka kedua-duanya akan memberi kesan kepada *empowerment*. *Deempowerment* berlaku terhadap guru dalam mana kuasa untuk membuat dan memilih keputusan telah berkurangan di samping guru dan pengetua terjerut dengan arahan dan panduan dari pusat. Maka kebolehan pengetua dan guru untuk membuat keputusan secara bersendirian telah berkurangan. Apabila keadaan ini berlaku ia secara tidak langsung akan melahir kumpulan pengurus dan guru sekolah yang kaku dan tidak proaktif yang sentiasa bergantung kepada arahan dan panduan untuk bertindak. Sedangkan merekalah sebagai pelaksana yang lebih memahami keadaan setempat yang perlu diberi kuasa untuk membuat keputusan.

Masalah lain yang wujud apabila sekolah mengalami perubahan ke arah pencapaian kecemerlangan adalah dari segi beban kerja guru-guru dilihat semakin ketara. Untuk mencapai peningkatan dalam prestasi sekolah kebanyakan guru dilihat terbeban dengan pelbagai kerja sehinggakan mereka mengalami tekanan. Pengurusan pihak pentadbir yang tidak cekap dengan melibatkan guru-guru dalam melakukan kerja pengkeranian sehingga mengganggu tanggungjawab mereka sebagai pendidik merupakan faktor yang menyukarkan perubahan Sekolah Menengah Harian ke arah kecemerlangan. Tekanan daripada pihak atasan dalam memastikan sekolah mencapai target yang ditetapkan juga telah memberi bebanan terhadap kebanyakan guru-guru di Sekolah Menengah Harian. Menurut Gilliom (2008) sebahagian besar daripada guru yang telah merasakan bahawa terdapat tekanan yang begitu banyak terutama bagi memperoleh markah yang tinggi dalam ujian kerajaan sedangkan mereka mempunyai sedikit masa untuk mengajar apa-apa yang tidak terkandung dalam ujian.

Justeru itu, kajian ini dijalankan adalah bagi melihat perubahan yang dilakukan oleh ketiga-tiga buah Sekolah Menengah Harian di Daerah Johor Bahru yang mengalami perubahan terhadap peningkatan kecemerlangan sekolah dari prestasi yang kurang cemerlang ke tahap cemerlang melalui peningkatan Gred Purata Sekolah (GPS) tiga tahun berturut-turut. Cabaran yang dihadapi oleh ketiga-tiga sekolah ini akan turut dilihat dari peringkat permulaan pencapaian sehingga kini. Bagaimana perubahan yang dilakukan oleh ketiga-tiga sekolah ini akan dikaji dari pelbagai sudut akademik mahupun kokurikulum serta sahsiah pelajar mereka melalui program-program yang dilaksanakan. Pengurusan organisasi sekolah yang berkesan serta pendekatan yang digunakan oleh sekolah dalam menangani masalah disiplin di kalangan pelajar turut akan diketengahkan. Strategi dan program-program dalam menjana keberhasilan guru di ketiga-tiga buah sekolah ini juga akan turut dilihat dari pelbagai perspektif.

1.3 Penyataan Masalah

Kecemerlangan sekolah diukur berdasarkan Gred Purata Sekolah terhadap pencapaian pelajar setiap tahun. Peningkatan Standard Tinggi Kualiti Pendidikan (SPPSTKP) atau disebut juga sebagai Standard Tinggi Kualiti Pendidikan membolehkan sekolah membuat penarafan sendiri bagi mengenalpasti kekuatan dan kelemahan. Daripada itu, kekurangan yang wujud akan dianalisis bagi merancang program pemajuan sekolah berterusan. Selepas dua tahun perlaksanaannya terdapat keperluan untuk mengkaji dan melakukan penambahbaikan kepada STKP. Hasilnya, tahun 2003 Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) telah menghasilkan standard kualiti pendidikan Malaysia-Sekolah (SKPM-Sekolah). JNJK menggunakan SKPM bagi tujuan memeriksa dan menilai manakala sekolah menggunakannya adalah bagi tujuan mengenalpasti kekuatan, kelemahan dan isu yang dihadapi melalui penarafan sendiri sekolah sekaligus menjadi asas kepada penambahbaikan sekolah secara berterusan.

Dalam penghasilan SKPM 2010, model sekolah berkesan (*Effective School Model*) Sammons, Hillman & Mortimore, (1995) dan Model Penaziran Kemenjadian Murid yang dikemukakan dalam Hala Tuju JNJK 2010-2015 (Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti KPM, 2009) dirujuk sebagai konsep asas. Teori sistem dirujuk sebagai model sekolah berkesan yang menyatakan sesuatu organisasi seperti sekolah yang wujud dalam sesuatu persekitaran terdiri daripada pelbagai elemen yang memiliki ciri-ciri unik dan mempunyai hubungan antara satu sama lain. Elemen yang berinteraksi antara satu sama lain secara berterusan menghasilkan impak kemenjadian murid. Input sekolah diuruskan secara optimum bagi menghasilkan output yang cemerlang. Antara, input tersebut ialah sumber manusia, sumber kewangan, sumber pendidikan dan kemudahan fizikal. Lima standard yang diketengahkan melalui kepimpinan dan hala Tuju, pengurusan organisasi, pengurusan kurikulum dan sukan serta Hal Ehwal Murid, pembelajaran dan pengajaran serta kemenjadian murid adalah merupakan anantara lima standard dalam mengukur tahap kecemerlangan sekolah. Yang mana, setiap aspek terdiri daripada kriteria yang kritikal yang telah disediakan deskripsi skor mengandungi indikator kualiti yang menjadi panduan dalam penentuan skor.

Latar belakang akademik yang pelbagai dalam kalangan pelajar menyukarkan sekolah untuk mencapai tahap kecemerlangan dan ia merupakan penghalang kepada peningkatan gred purata sekolah setiap tahun apabila keputusan peperiksaan awam diumumkan. Sekolah Menengah Harian merupakan sekolah tahap B dan kriteria pencapaian akademik untuk dicalonkan sebagai cemerlang adalah GPS yang tidak melebihi 4.00 bagi tiga tahun berturut-turut (Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti KPM, 2010). Namun kekangan yang dihadapi oleh sekolah seperti masalah pembelajaran pelajar yang tidak memberangsangkan ditambah dengan kelakuan pelajar yang pelbagai kerenah menyukarkan perubahan sekolah kearah yang lebih baik. Pendekatan yang wajar harus digunakan oleh pihak sekolah secara amnya bagi memastikan permasalahan ini diselesaikan melalui pendekatan bersama warga sekolah.

Kurangnya penglibatan ibu bapa dalam aktiviti sekolah telah memberi impak negatif terhadap kemajuan pencapaian pelajar. Ibu bapa sebagai pendorong dan motivasi yang kuat seharusnya dilibatkan bersama dalam aktiviti sekolah yang dijalankan. Sebagai penggerak kepada perubahan sekolah ke arah yang cemerlang warga sekolah perlu merangka program-program yang berkesan dalam membentuk komuniti sekolah yang seimbang.

Kemudahan infrastruktur yang lengkap perlu dalam memastikan keselesaan pelajar dalam menimba ilmu. Kelemahan dari segi pengurusan kelengkapan infrastruktur sekolah yang tidak cekap turut menyumbang kepada permasalahan pelajar terutama yang mempunyai disiplin serta pencapaian akademik yang kurang memberangsangkan. Selaku pemimpin sekolah perlu memastikan agar kelengkapan yang disediakan disekolah mencukupi disamping memastikan kemudahan infrastruktur di sekolah lengkap bagi menjamin keselesaan pelajar dalam proses pembelajaran.

Pengurusan organisasi yang cekap turut mempengaruhi kelancaran proses perubahan yang akan dilaksanakan. Oleh itu, perancangan, penyusunan dan pengelolaan yang rapi perlu dalam memastikan kelancaran organisasi sekolah yang dipimpin. Pengetua perlu peka bahawa penentu kepada kejayaan pelaksanaan sesuatu perubahan banyak bergantung kepada penglibatan orang bawahan. Semakin tinggi komitmen orang bawahan terhadap perubahan, semakin tinggi peratus kejayaan sekolah mencapai tahap kecemerlangan. Dalam memastikan wujudnya budaya kerja yang berjaya kerena birokrasi yang wujud perlu ditangani dengan baik sebagai selaku pentadbir sekolah.

1.4 Objektif kajian

Secara umumnya kajian ini dilaksanakan adalah untuk melihat perubahan yang dilakukan oleh tiga buah Sekolah Menengah Harian dalam meningkatkan kecemerlangannya melalui enam objektif yang diketengahkan:

- 1) Mengkaji faktor yang mempengaruhi perubahan kecemerlangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Engku Tun Aminah, Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Rini dan Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Uda tiga tahun berturut-turut.
- 2) Mengenalpasti halangan awal yang wujud dalam pengurusan organisasi sekolah dalam melakukan perubahan kecemerlangan.
- 3) Melihat strategi perubahan kecemerlangan yang digunakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Engku Tun Aminah, Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Rini dan Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Uda.
- 4) Mengenalpasti pendekatan atau program-program yang dilaksanakan oleh Sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Engku Tun Aminah, Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Rini dan Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Uda dalam perubahan kecemerlangan.
- 5) Melihat tahap penglibatan ibu bapa dalam perubahan kecemerlangan dijalankan oleh sekolah.

1.5 Persoalan kajian

Kajian yang akan dilakukan ini adalah bagi menjawab enam persoalan yang telah diketengahkan oleh penyelidik dalam kajian yang akan dijalankan:

- 1) Apakah faktor yang mempengaruhi perubahan kecemerlangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Engku Tun Aminah, Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Rini dan Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Uda tiga tahun berturut-turut?
- 2) Apakah halangan awal yang wujud dalam pengurusan organisasi sekolah dalam melakukan perubahan kecemerlangan?
- 3) Apakah strategi perubahan kecemerlangan yang digunapakai di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Engku Tun Aminah, Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Rini dan Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Kebangsaan Baru Uda?
- 4) Apakah pendekatan atau program-program yang dilaksanakan oleh Sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Engku Tun Aminah, Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Rini dan Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Uda dalam perubahan kecemerlangan?
- 5) Sejauhmanakah tahap penglibatan ibu bapa dalam perubahan dijalankan oleh sekolah kecemerlangan?

1.6 Kepentingan kajian

Kajian yang dijalankan ini penting sebagai rujukan dan panduan kepada sekolah-Sekolah Menengah Harian lain dalam merancang serta mengatur perubahan melalui corak pengurusan sekolah yang berkesan di samping penjanaaan program-program yang dilaksanakan.

Kajian ini juga turut diharapkan dapat membantu sekolah-sekolah lain yang mengalami masalah dari segi kawalan pelajar serta kurang keterlibatan ibu bapa untuk turut sama memperbaiki kelemahan yang sedia ada ke arah perubahan yang lebih baik.

Kajian ini melihat cara tiga buah Sekolah Menengah Harian di Daerah Johor Bahru meliputi Sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Engku Tun Aminah, Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Rini dan Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Uda memperkembangkan potensi pelajar dalam bidang kurikulum mahupun kokurikulum demi mencapai kejayaan dalam peningkatan GPS yang memberangsangkan. Strategi perancangan yang diambil ini boleh menjadi contoh serta ikutan kepada sekolah lain dalam melakukan perubahan.

Kajian ini turut dijangkakan akan berupaya memberi input serta idea bukan sahaja kepada guru malahan kepada pemimpin sekolah dalam membuka jalan untuk meningkatkan prestasi kecemerlangan sekolah sekaligus membawa perubahan ke arah yang lebih baik.

1.7 Batasan kajian

- 1) Kajian ini mengambil Sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Engku Tun Aminah, Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Rini dan Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Uda sebagai sampel. Kemungkinan keputusan tidak dapat mencakupi semua perkara dan memberi penyelesaian kepada semua masalah yang sedia ada. Keputusan kajian tidak boleh digunakan bagi menerangkan keadaan yang sama wujud di semua jenis sekolah di Malaysia.
- 2) Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Di mana, melalui kaedah kualitatif, data temubual, pemerhatian serta penganalisan dokumen yang akan dilakukan terhad kepada pandangan, pendapat serta tingkah laku guru besar dan guru-guru yang ditemubual melalui penceritaan oleh subjek kajian.
- 3) Menerusi kaedah kuantitatif, kajian terhad kepada guru-guru dan ibu bapa pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Engku Tun Aminah, Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Rini dan Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Uda. Oleh yang demikian, maklumbalas soal selidik adalah mengikut pandangan guru dan ibubapa pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Engku Tun Aminah, Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Rini dan Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Uda.

1.8 Definisi Istilah/Operasional

1.8.1 Perubahan Sekolah

Perubahan didefinisikan sebagai ‘perihal mengubah’, ‘pengalihan’ dan ‘penukaran kepada sesuatu yang lain’ manakala maksud “sekolah” menurut Kamus Dewan (1994) ialah “tempat untuk belajar dan mengajar”.

1.8.2 Kecemerlangan Pencapaian Akademik

Secara umum kecemerlangan pencapaian akademik merujuk kepada suatu tahap pemerolehan hasil yang amat membanggakan dalam bidang pembelajaran. Secara saintifik, kecemerlangan ditakrifkan sebagai keupayaan seseorang untuk melonjakkan tahap kemampuannya untuk berjaya pada tahap yang paling maksimum bagi dirinya berdasarkan kayu ukur yang telah ditentukan bagi kelompok atau kumpulan (Abdullah Sani, 2005). Usaha meningkatkan kualiti pencapaian akademik merupakan suatu proses yang dijalankan atau dorongan persekitaran bagi meningkatkan tahap akademik kepada yang lebih cemerlang.

1.8.3 Kemenjadian Pelajar

Faktor kemenjadian pelajar penting dalam menentukan keberkesanan sesebuah sekolah atau institusi. Pelajar perlu cemerlang dalam pelbagai bidang akademik, kurikulum dan sahsiah diri. Stoll dan Fink (1996) merumuskan sekolah atau institusi yang berkesan adalah peningkatan berterusan para pelajar dari segi kecemerlangan akademik, penguasaan kemahiran asas, keberkesanan pembelajaran dan kawalan disiplin yang berkesan.

1.8.4 Kualiti Pendidikan

Kualiti menurut Kamus Dewan (2002) darjah kecemerlangan biasanya yang tinggi, mutu dan pendidikan merujuk kepada perihal mendidik. Aspek kualiti

pendidikan kajian merangkumi tahap kualiti pendidikan yang diberikan kepada pelajar, perakuan guru terhadap pendidikan di sekolah, persekitaran kerja di sekolah, pengaruh sistem disiplin terhadap pendidikan dan ciri-ciri pengambilan serta pencapaian pelajar.

1.9 Penutup

Dalam bab ini, dibincangkan latar belakang masalah yang dihadapi oleh sekolah dalam melakukan perubahan ke arah kecemerlangan berdasarkan latar belakang pelajar. Penyelidik telah menyenaraikan pernyataan masalah. Beberapa objektif telah diketengahkan bagi menjawab persoalan kajian yang akan dikaji. Kepentingan kajian, batasan kajian serta definisi istilah juga turut dibincangkan di dalam bab ini.

RUJUKAN

- Ab. Aziz Yusof (2003). *Komunikasi untuk pengurus*. Siri Pengurusan dan Pentadbiran Utusan. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdullah Sani Yahaya (2005). *Mengurus Sekolah*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Ariffin Ba'ada dan Robiah Sidin (2002). *Komunikasi pengetua-guru: satu analisis*. Jurnal Teknologi.
- Azizi Yahaya (2005). *Pembangunan Kendiri*. Skudai : Penerbit UTM.
- Azizi Yahaya, Jaafar Sidek Latif, Shahrin Hashim dan Yusuf Boo (2006). *Psikologi sosial alam remaja*. Selangor : PTS Professional Publishing
- Azizi Yahaya dan Jaafar Sidek Latif (2005). *Membentuk identiti remaja*. Bentong, Pahang : PTS Publications & Distributors.
- Azizi Yahya, Halimah Ma'alip dan Faizah Idris (2011). Persepsi Pelajar Terhadap Perlakuan Agresif Yang Berlaku Di Lima Buah Sekolah Menengah Di kawasan Bandar Johor Baharu. *Journal of educational Psychology and Counselling*.
- Azizi Yahya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon dan Abdul Rahim Hamdan (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.

- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (2006). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (2013). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Bahagian Sekolah-Sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia. (1995). *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 10/1995: Perlaksanaan Jadual Waktu Anjal Bagi Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Boyle, W. F. & Charles, M. (2012). Education In A Multicultural Environment: Equity Issues In Teaching And Learning In England. *Advance in Education in Diverse Communities: Research, Policy and Praxis*, 8, 143-157.
- Brigham, F. J., Bakken, J. P. & Rotatori, A. F. (2012). Families and Students with Emotional and Behavioural Disorders. *Behavioural Disorders: Practice Concerns and Students with EBD Advances in Special Education*, 23, 207-231.
- Carroll, T. G. (2000). If We Didn't Have the Schools We Have Today, Would We Create the Schools We Have Today? *Contemporary issues in Technology and Teacher Education*, 1 (1), 117-140.
- Chadderton, D & Torrance, J. (2011). *Theory of Methods in Social Research 2nd edition: Chapter 6 Case Study*, London: Sage.
- Cheng, Y. C. (1994). Effectiveness of Curriculum Change in school: An Organizational Perspective. *International journal of educational management*, 8 (3), 26-34.

- De Valence, G. (2000). 'Strategic Management and Outstanding Maintenance of Public Schools in NSW'. *International Council for Research and Innovation in Building and Construction*.
- Dipaola, M. F. & Hoy, W. K. (2001). Formalization, Conflict, and Change: Constructive and Destructive Consequences in schools. *The International Journal of Educational Management*, 15(5) 238-244.
- Dishion, T. J., Patterson, G.R., Stoolmiller, M. & Skinner, ML. (1991). *Family school and behavioral antecedents to early adolescent involvement with antisocial peers*. *Developmental Psychology*.
- Doyle, J. L. & Wells, S. (1997). Social Class and the Effective School Paradigm. *International Journal of Educational Management*, 11(4). 145-148.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2005). "Merawat Kemelut Moral." *Harian Metro Online (Malaysia)*.
- Forsyth, P. B., Barnes, L. L.B. & Adams, C. M. (2006). Trust-Effectiveness Patterns in Schools. *Journal of Educational Administration*, 44(2), 122-141.
- Fredriksen, K., & Rhodes, J. (2004). *My favorite teacher: The role of teacher relationships in the lives of children and adolescents*. *New Directions in Youth Development*.
- Gallagher, M, Laver, M. & Mair, P. (2005). *Representative Government in Western Europe*. New York: McGraw-Hill.
- Gilliom, J. (2008). Surveillance And Educational Testing: No Child Left Behind And The Remaking Of American Schools. *Sociology of Crime, law and Deviance*, 10, 305-325.
- Glesne, C. (2011). *Becoming Qualitative Researchers: An Introduction 4th edition*. Boston: pearson.

- Glickman, C. D. (1985). *Supervision of instruction: A developmental approach*. Allyn and Bacon (Boston).
- Harris, M. H. & Willower, D. J. (1998). Principals' Optimism and Perceived School Effectiveness. *Journal of educational Administration*, 36(4), 353-361.
- Ing, M. (2010). Using Informal Classroom Observations To Improve Instruction. *Journal of Educational Administration*, 48(3), 337-358.
- Jabatan Perdana Menteri (2008). Ucapan Y.A.B. Perdana Menteri Dato Seri Mahathir Bin Mohamad Di pelancaran Gerakan Budaya Kerja Cemerlang. (26 Disember 2013). Dimuat naik dari <http://www.pmo.gov.my/ucapan/?m=p&p=mahathir&id=1677>
- Jemaah Nazir dan jaminan Kualiti (2009). Halatuju JNJK 2010-2015. Putrajaya Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (2010). *Standard Kualiti Pendidikan Malaysia 2010*. Putrajaya Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kamaruzaman Kamaruddin (2007). *Tekanan Kerja di Kalangan Guru Sekolah Menengah*. Jurnal Kemanusiaan bil 10.
- Kamus Dewan (1994). Edisi Ketiga: *Dewan Bahasa dan Pustaka*. Kuala Lumpur.
- Kamus Dewan (2002). Edisi Keempat: *Dewan Bahasa dan Pustaka*. Kuala Lumpur.
- Kang, H., Scharmann, L. C., Kang, S. & Noh, T. (2010). Cognitive Conflict and Situational Interest as Factors Influencing Conceptual Change. *International journal of Environmental & Science Education*, 5(4), 383-405.
- Kaufman, J. & Yin, L. (2009). What matters For Chinese Girls' Behaviour And Performance In School: An Investigation of Co-Educational and Single-Sex Schooling for Girls in Urban China. *Gender, Equality and Education from*

International and Comparative Perspectives International Perspectives on Education and Society, 10, 185-261.

Kementerian Pelajaran Malaysia (1996). *Surat pekeliling Ikhtisas Bil 4/2004 Perlembagaan Persatuan Ibu Bapa-Guru (PIBG)*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.

Kementerian Pelajaran Malaysia (2013). (15 Mac 2013). Dimuat naik dari <http://www.moe.gov.my/>

Kementerian Pelajaran Malaysia (2012). RMK10.(15 Mac 2013) Dimuat naik dari http://www.moe.gov.my/userfiles/file/RMK10bab5%2014_6_10.pdf

Mahzan Arshad (2004). *Tuisyen- Amalan Dalam Sistem Pendidikan*. Utusan Malaysia. : 26 Januari 2004.

Menganjak Pendidikan Negara (4 Jun 2013). Dimuat naik dari www.utusan.com.my/utusan/Rencana/20120913/re_01/Menganjak-pendidikan-negara

Mohamad Najib Abdul Ghafar (2000). *Penyelidikan pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia.

Mohamad Najib Abdul Ghafar (2004). *Pembangunan Organisasi di Malaysia : projek pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia.

Mohamad Najib Abdul Ghafar (2010). *Pembangunan Organisasi Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Mohammad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

- Mulford, B., Kendall, D., Ewington, J., Edmunds, B., Kendall, L. & Silins, H. (2008) Successful Principalship of High-Performance Schools in High-Poverty Communities. *Journal of educational Administration*, 42(4), 461-480.
- Mulford, B., Kendall, L. & Kendall, D. (2004). Administrative Practice and High School Students' Perceptions of Their School, Teachers and Performance. *Journal of educational Administration*, 42(1), 78-97.
- Noorwati Salleh dan Zaharah Manan. (2003). *Kelas Tambahan Guna Kupon Bermula Julai*. Berita Harian
- Novandri Hasan Basri. (2000). "Masalah Disiplin Pelajar Satu Pendekatan Dan Penyelesaian". Dewan Budaya. Edisi Budaya.
- Ornstein, S. W, Moreira, N. A, Ono, R, Limongi, F., A. J.G. & Nogueira, R. A.M.F. (2009). Improving The Quality Of school Facilities Through Building Performance Assessment: educational reform and school building quality in Sao Paulo, Brazil. *Journal of Educational Administration*, 47(3).
- Pashlardis, G. (2000). School Climate in Elementary and Secondary Schools: Views of Cypriot Principals and Teachers. *International Journal of Educational Management*, 14(5), 224-237.
- Pasmore, W. A. (2011). Tipping The Balance: Overcoming Persistent Problems in Organizational Change. *Research in Organizational Change and Development*, 19, 259-292.
- Pejabat Pendidikan Johor (2013). *Data Enrolment 2013*. (13 Mac 2013). Dimuat naik dari <http://www.moe.gov.my/jpnjohor/v6/index2.php?>
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia KPM 2013-2015 (2012). (13 Mac 2013). Dimuat naik dari <http://www.moe.gov.my/userfiles/file/PPP/Preliminary-Blueprint-BM.pdf>.

- Petros Pashiardis. (1996). "Environmental scanning in educational organizations: uses, approaches, sources and methodologies". *International Journal of Educational Management*, 10(3), 5 – 9.
- Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia (2001). *Kepimpinan dan Pengurusan kurikulum di Sekolah*. Dicapai pada: 24 April 2013 www.moe.gov.my/bpk/.../kepimpinan_kurikulum.pdf.
- Sekolah Menengah Sultanah Engku Aminah. (22 April 2013). Dimuat turun dari www.smkseta.com/.../Laman%20web%20SM%20SET
- Sektor Pengurusan Akademik KPM (2012). *Kaedah Pengiraan Skor Komposit 2010*. (3 Jun 2013). Dimuat naik dari http://www.kedah.edu.mu/akademik/index.php?option=com_phocadownload&view=category&id=102:nkra&Itemid=55
- Sergiovanni, T. J. (2001). *The principalship: A reflective practice perspective*. Texas: Allyn and Bacon
- Silins, H. C. & Murray-Harvey, R. (1999). What makes a Good Senior Secondary School? *Journal of educational Administration*, 37(4), 329-344.
- Smith, P. A. & Hoy, W. K. (2007). Academic Optimism and Student Achievement in Urban Elementary Schools. *Journal of educational Administration*. 45(5), 556-568.
- Stoll, L. & Fink, D. (1996). *Effecting school change: The Halton Approach*. School Effectiveness and Improvement.
- The Hoover-Dempsey & Sandler Model of Parental Involvement (2005). Dimuat naik dari <http://www.vanderbilt.edu/peabody/family-school/model.html>

Thomas, S. R., Shoham, Y., Schwartz, A., & Kraus, S. (1991). Preliminary thoughts on an agent description language. *International Journal of Intelligent Systems*, 6, 497-508.

True Random Number Service, 1998-2014. *Random Integer Generator*. Dimuat naik dari <http://www.random.org/integers/>

Wang, A. H., Walters, A. M. & Thum, Y.M. (2013). Identifying Highly Effective Urban Schools: Comparing Two Measures of school Success. *International Journal of Educational Management*, 27(5), 517-540.

Willis, J.W. (2007). *Foundation of Qualitative Research: Interpretive and critical Approaches*. California: Sage Publication.

Zaidatol Akmaliah Lope Pihie (1990). Pentadbiran pendidikan. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

No. Responden:



BORANG SOAL SELIDIK KAJIAN:

**PERUBAHAN KECEMERLANGAN TIGA BUAH
SEKOLAH MENENGAH HARIAN DI DALAM
DAERAH JOHOR BAHRU**

Saya, pelajar Sarjana Pendidikan (Pengurusan dan Pentadbiran) di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia sedang menjalankan satu kajian yang merupakan sebahagian daripada syarat untuk melengkapkan pengajian sarjana saya. Anda terpilih sebagai salah seorang responden kajian ini. Semua maklumat yang diberi adalah **RAHSIA** dan hanya digunakan untuk tujuan kajian sahaja. Kejujuran anda untuk menjawab soal selidik ini amat dihargai. Terima kasih atas kerjasama anda.

BAHAGIAN A
SOAL SELIDIK LATAR BELAKANG
RESPONDEN

Anda dikehendaki menandakan (X) di dalam petak yang disediakan dengan ikhlas dan jujur.

1. **Soal selidik ini dilengkapi oleh _____**

<input type="checkbox"/>	Ibu
<input type="checkbox"/>	Bapa
<input type="checkbox"/>	Penjaga
<input type="checkbox"/>	Lain-lain (Nyatakan) _____

2. **Bangsa**

<input type="checkbox"/>	Melayu
<input type="checkbox"/>	Cina
<input type="checkbox"/>	India
<input type="checkbox"/>	Lain-lain (Nyatakan) _____

3. **Umur**

<input type="checkbox"/>	25 – 34 tahun
<input type="checkbox"/>	35 – 44 tahun
<input type="checkbox"/>	45 – 54 tahun
<input type="checkbox"/>	55 tahun dan ke atas

4. **Taraf Perkahwinan**

<input type="checkbox"/>	Berkahwin
<input type="checkbox"/>	Ibu / Bapa Tunggal
<input type="checkbox"/>	Bercerai

5. **Kelulusan Tertinggi Ibu Bapa / Penjaga**

<input type="checkbox"/>	Tiada kelulusan (Tidak bersekolah)
<input type="checkbox"/>	Pendidikan Sekolah Rendah
<input type="checkbox"/>	PMR / Tingkatan 3
<input type="checkbox"/>	SPM / Tingkatan 5
<input type="checkbox"/>	STPM / Tingkatan 6 / Sijil
<input type="checkbox"/>	Diploma
<input type="checkbox"/>	Ijazah dan ke atas

6. **Pendapatan Kasar Keluarga**

<input type="checkbox"/>	RM 500 dan ke bawah
<input type="checkbox"/>	RM 501 – RM 1000
<input type="checkbox"/>	RM 1001 – RM 3000
<input type="checkbox"/>	RM 3001 – RM 5000
<input type="checkbox"/>	RM 5001 dan ke atas

7. **Bilangan Anak Dalam Tanggungan**

<input type="checkbox"/>	1 – 2 orang	<input type="checkbox"/>	5 – 6 orang
<input type="checkbox"/>	3 – 4 orang	<input type="checkbox"/>	Lebih 6 orang

BAHAGIAN B
SOAL SELIDIK PENGLIBATAN IBU BAPA DAN
KOMUNITI DENGAN SEKOLAH

Borang ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas daripada pihak tuan/puan mengenai pematuhan kepada idea dan konsep sarana sekolah berdasarkan persepsi anda. **Anda dikehendaki menyatakan tahap persetujuan/tidak persetujuan anda kepada setiap item di bawah** menggunakan skala jawapan berikut:

- | | |
|--------------------------------|--------------|
| 1 - Sangat Tidak Setuju | (STS) |
| 2 - Tidak Setuju | (TS) |
| 3 - Tidak Pasti | (TP) |
| 4 - Setuju | (S) |
| 5 - Sangat Setuju | (SS) |

(Sila **BULATKAN** jawapan anda).

ITEM	SKALA				
Iklim Sekolah	STS	TS	TP	S	SS
1. Cadangan yang dihantar oleh ibu bapa kepada pihak sekolah diambil tindakan yang sewajarnya.	1	2	3	4	5
2. Papan tanda yang mengalukan-alukan kehadiran ibu bapa dan ahli komuniti disediakan.	1	2	3	4	5
3. Saya menerima layanan yang baik ketika berada di sekolah.	1	2	3	4	5
4. Tanda arah lokasi yang jelas disediakan di kawasan sekolah.	1	2	3	4	5
5. Ruang perjumpaan untuk ibu bapa dan ahli komuniti disediakan.	1	2	3	4	5

Komunikasi Berkesan	STS	TS	TP	S	SS
1. Pihak sekolah menyediakan panduan yang jelas untuk dipatuhi apabila ibu bapa berada di sekolah.	1	2	3	4	5
2. Saya dimaklumkan dengan jelas mengenai peraturan sekolah.	1	2	3	4	5
3. Saya mendapat maklumat lengkap mengenai kegiatan sekolah.	1	2	3	4	5
4. Saya mendapat maklumat kegiatan sekolah melalui laman sesawang sekolah/ buletin/ surat siaran/ laman sosial Internet.	1	2	3	4	5
5. Saya dihubungi oleh pihak sekolah sekiranya tidak hadir ke perjumpaan/ kegiatan yang melibatkan saya.	1	2	3	4	5

Sokongan Sekolah Terhadap Kejayaan Murid	STS	TS	TP	S	SS
1. Murid dibimbing cara belajar yang berkesan di sekolah.	1	2	3	4	5
2. Sekolah membincangkan kemajuan murid semasa pertemuan dengan ibu bapa.	1	2	3	4	5
3. Kejayaan murid dilaporkan sebagai agenda tetap dalam mesyuarat PIBG.	1	2	3	4	5
4. Pihak sekolah menggalakkan ibu bapa menandatangani buku latihan anak yang telah disemak oleh guru.	1	2	3	4	5
5. Pihak sekolah memaklumkan ibu bapa bagaimana kemajuan anak mereka dinilai.	1	2	3	4	5

Tanggungjawab Bersama	STS	TS	TP	S	SS
1. Pihak sekolah, ibu bapa dan ahli komuniti bekerjasama dalam kegiatan yang berkaitan dengan perkembangan murid dari aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani.	1	2	3	4	5
2. Saya terlibat sama dalam melaksanakan program kecemerlangan akademik murid.	1	2	3	4	5
3. Saya terlibat sama dalam melaksanakan program sahsiah murid.	1	2	3	4	5
4. Saya terlibat sama melatih murid dalam persatuan, sukan dan permainan.	1	2	3	4	5
5. Saya terlibat sama mengiringi murid yang mengambil bahagian dalam pertandingan/ kegiatan luar sekolah.	1	2	3	4	5

Keputusan Bersama	STS	TS	TP	S	SS
1. Pihak sekolah menyediakan peti cadangan untuk mendapat maklum balas daripada ibu bapa.	1	2	3	4	5
2. Pihak sekolah/ AJK PIBG mengkaji maklum balas daripada ibu bapa dan ahli komuniti untuk mengambil tindakan sewajarnya.	1	2	3	4	5
3. Pihak sekolah melibatkan ibu bapa dan ahli komuniti dalam merancang program akademik dan bukan akademik untuk murid.	1	2	3	4	5
4. Pihak sekolah bekerjasama dengan PIBG/ LPS dan ahli komuniti bagi meningkatkan peratus kedatangan murid.	1	2	3	4	5
5. Pihak sekolah bekerjasama dengan PIBG/ LPS dan ahli komuniti bagi mengurangkan kes disiplin dalam	1	2	3	4	5

kalangan murid.					
-----------------	--	--	--	--	--

Kerjasama Dengan Komuniti	STS	TS	TP	S	SS
1. Pihak sekolah mempunyai PIBG yang aktif membantu kemajuan sekolah.	1	2	3	4	5
2. Pihak sekolah mempunyai Alumni yang aktif membantu kemajuan sekolah.	1	2	3	4	5
3. Pihak sekolah mempunyai program khas untuk penglibatan komuniti di sekolah.	1	2	3	4	5
4. Pihak sekolah mengambil bahagian dalam aktiviti yang dianjurkan oleh ahli komuniti (seperti gotong royong, membersihkan rumah ibadat, kerja amal di rumah anak-	1	2	3	4	5

anak yatim/ rumah orang tua dan sebagainya.)					
5. Pihak sekolah menggalakkan ahli komuniti menggunakan kemudahan prasarana sekolah untuk melaksanakan sesuatu program.	1	2	3	4	5

“Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kerjasama anda”
